

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di Kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK UNIVERSITI SELANGOR

JAWATAN : PENSYARAH (DS45)

Fakulti : FAKULTI PERNIAGAAN & PERAKAUNAN, KAMPUS SHAH ALAM
Jabatan : Jabatan Perakaunan, Kewangan dan Muamalat
Status Lantikan : Lantikan secara Kontrak / Tetap

RINGKASAN JAWATAN

Fakulti Perniagaan & Perakaunan, Universiti Selangor ingin melantik Pensyarah (Gred DS45) bagi Jabatan Perakaunan, Kewangan dan Muamalat dalam bidang yang berkaitan bagi mengisi kekosongan jawatan dan keperluan yang terdapat di fakulti dengan kelayakan akademik seperti berikut:

SYARAT KELAYAKAN :

I. JABATAN PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN MUAMALAT

BIL	BIDANG	GRED JAWATAN	SYARAT KELAYAKAN
1.	Bidang Pengurusan Halal	Pensyarah (DS45)	<ol style="list-style-type: none">1. Warganegara Malaysia;2. Mempunyai Ijazah Sarjana / Ijazah Sarjana Muda (CGPA 3.0 ke atas) dalam bidang Pengurusan Halal yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau3. Berpengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam bidang pengajaran (Pengurusan Halal) di peringkat institusi pengajian tinggi.4. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan5. Keutamaan diberikan kepada mereka yang mempunyai pengalaman menyelia pelajar pasca siswazah sama ada peringkat sarjana atau Phd.

TATACARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan beserta gambar berukuran *passport* terkini, sijil-sijil yang telah disahkan dan *Curriculum Vitae (CV)* yang mengandungi maklumat berikut :-
- i. Maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan, keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;
 - ii. Maklumat pendidikan dan pengalaman kerja;
 - iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat termasuk di peringkat Antarabangsa;
 - iv. Sumbangan-sumbangan kepada komuniti masyarakat / penduduk setempat / kariah dan sebagainya.
- b) Permohonan hendaklah dihantar terus ke alamat berikut :

Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia

Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan
Kampus Bestari Jaya
45600 Bestari Jaya
Selangor

Tel : 03-3280 5058 / 03-3280 5077

- c) Sila tulis nama jawatan dipohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.
- d) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **7 Oktober 2022**.
- e) Lain-lain:
- i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
 - iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.